

Champa Dipandang dari Selatan*

DENYS LOMBARD

Barangkali ada manfaatnya mempersoalkan pentingnya sebuah buku sejarah Champa untuk pembaca dari Nusantara sekarang ini. Apa gunanya, kata sesetengah orang, kesimpulan serba samar itu yang berdasarkan prasasti-prasasti yang tidak lengkap serta pandangan para orientalis Barat yang penuh hiba atas sebuah bangsa yang dua kali dikalahkan? Kami sebaliknya yakin bahawa sejarah Champa sangat penting dan seharusnya menjadi subjek pemikiran untuk semua penyelidik ilmu-ilmu kemanusiaan, ekonomi politik, atau teknik pembangunan. Sejarah tersebut dengan sempurna menggabungkan sejarah Indocina dan Nusantara – yang seharusnya tidak pernah dipisahkan... – serta yang dapat dipaparkan sebagai bahan renungan jarak masa yang mutlak perlu untuk menghayati sejarah jangka panjang serta menanggapi pergolakan masa kini.

Hubungan yang pasti kuno sekali menghubungkan pesisir Champa, iaitu pantai Vietnam sekarang ini, dengan beberapa pulau di Nusantara. Meskipun para penyelidik prasejarah masih belum berjaya merangkaikan secara memuaskan semua tapak yang ditemui di Asia Tenggara, dan meskipun teori “gelombang migrasi” yang pernah disebarkan oleh Heine-Geldern itu harus disangsikan, namun, jika diteropong secara luas, jelaslah bahawa pantai yang akan menjadi pesisir Champa itu terletak di lintasan teknik gangsa yang terbentang dari bahagian utara China sampai ke Kepulauan Kai, melalui dua tempat pengembangan yang penting, iaitu Yunnan dan Tonkin¹. Gendang gangsa gaya Dongson yang terkenal yang ditemui di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera Selatan, Jawa, Bali, Sumbawa dan Salayar itu merupakan saksi nyata tentang hubungan-hubungan kuno tersebut. Melalui benda-benda itu kita menelusuri kesan-kesan sebuah jaringan kuno yang lintasan-lintasannya bertahan pada zaman “sejarah”.

Ternyata kita cukup beralasan untuk beranggapan bahawa sekurang-kurangnya sebahagian daripada jaringan dahulu kala itu telah dikuasai oleh bangsa-bangsa dari Nusantara, yakni nenek moyang orang Kun-lun yang disebut dalam sumber-sumber Cina pada abad ke-3M². Para pakar bahasa dan epigrafi memang membenarkan adanya suatu bahasa Austronesia di tengah-tengah wilayah bakal “Indocina” sejak awal mulanya “sejarah”. Prasasti yang tertua dalam bahasa Cham, iaitu prasasti Dông-yên châu (di sebelah selatan Teluk Tourane) adalah berasal daripada abad ke-4 M³, iaitu tiga abad lebih tua daripada prasasti Melayu kuno yang tertua yang ditemui di Sumatera (683 M), dan empat abad lebih tua daripada prasasti-prasasti Melayu kuno dan Jawa kuno yang ditemui di Jawa. Hal tersebut patut direnungkan.

Bahasa Cham sebagai bahasa sumber yang tertua dalam suatu bahasa Austronesia barangkali bukan hal yang paling menarik di sini. Tetapi prasasti tersebut membuktikan adanya suatu bahasa daripada rumpun itu di sebuah wilayah yang sekarang ini hampir keseluruhannya diduduki oleh bahasa-bahasa Austro-Asiatik. Bahasa Cham yang selama kurang lebih 1,000 tahun (dari abad ke-4 M sampai abad ke-15 M) telah menjadi bahasa sebuah kerajaan besar serta sebuah tamadun tinggi, kini seperti diketahui, hanya digunakan oleh minoriti yang tinggal di bahagian selatan Vietnam dan di Kamboja: sekitar 116,000 orang pada tahun 1975, dan pasti jauh lebih sedikit pada tahun 1981. Seperti juga orang Môn di bahagian selatan Burma atau di bahagian selatan Thailand sekarang, maka orang Cham serta saudara-saudaranya yang terasing di pergunungan, iaitu orang Jörai dan Rhadé⁴, menunjukkan perkembangan terpenting dalam sejarah linguistik Semenanjung Indocina, iaitu perluasan mutlak bahasa-bahasa yang menggunakan sejumlah nada⁵.

Pada suatu ketika barangkali para ahli mitologi akan menemui unsur-unsur khazanah tunggal yang dimiliki oleh bangsa-bangsa Nusantara dan bangsa-bangsa dataran Asia Tenggara⁶. Namun, setakat ini terpaksa kita bertolak daripada maklumat yang serba tidak lengkap yang dimuatkan dalam sumber-sumber tertulis yang awal, serta daripada peninggalan seni bina keagamaan yang paling awal.

Mungkin hal yang terpenting di sini ialah nampaknya kesan “Indianisasi” pada masa yang sama di Semenanjung dan di Nusantara. Bagi kami, kesan-kesan ini adalah bukti terdapatnya sebuah jaringan maritim kuno yang tadi baru disangka, dan dengan ini terbukalah sebuah masa sejarah bersama yang akan berlangsung selama 1,000 tahun lebih. Menariklah bahawa dalam suatu legenda yang baru dikesan di daerah Purwodadi Grobogan, di pesisir utara Pulau Jawa⁷, terdapat tokoh mitos, iaitu Aji Saka, yang berhubungan sekaligus dengan Champa dan Jawa. Aji Saka, seperti yang kita ketahui, adalah tokoh budaya yang dipercayai telah memasukkan kebudayaan India, khususnya pentarikhan berasaskan era saka dan tulisan (aksara) ke Nusantara. Ternyata dalam legenda tersebut, Aji Saka singgah dulu di Champa dan berkahwin dengan puteri Prabawati. Setelah “membudayakan” Pulau Jawa, dia memanggil isteri dan puteranya, iaitu Pangeran Prabakusuma yang masih muda dan yang akan menggantikannya. Meskipun cerita tersebut hanya tradisi lisan semata-mata, namun patutlah diperhatikan hubungan antara Champa dan Jawa yang dilambangkan seperti itu, menjelang masa “Hindu”⁸.

Selanjutnya, pada abad ke-10, teks-teks Arab yang awal membawa bukti yang tidak dapat dinafikan tentang perhubungan antara Champa dan beberapa tempat di Nusantara. Dalam perjalanan ke Khanfu, iaitu Guangzhou, kapal-kapal dari Basra dan Siraf telah berlabuh di Kalah, di Semenanjung Tanah Melayu, atau di salah satu pelabuhan raja kawasan Javaga, iaitu Srivijaya di pesisir Sumatera, kemudian menuju ke Pulau Tioman “di mana terdapat air tawar” dan sentiasa singgah di negeri orang Cham “yang menghasilkan kayu gaharu”. Dalam

buku yang bertajuk *Merveilles de l'Inde (Keajaiban India)*, nama Champa tujuh kali disebut⁹. Kapal-kapal itu sama sekali tidak belayar langsung dari Phan-rang ke Guangzhou – seperti yang dapat dijangka, mengikut sebuah peta yang terlalu sering dirujuk, yang berasal dari karya Prof. Wolters, *Early Indonesian Commerce...* – tetapi memilih untuk menyusuri pesisir Champa dan menghindari daerah Kepulauan Paracel yang berbahaya, dan yang ditunjukkan seperti itu di peta-peta maritim Eropah sampai abad ke-18.

Kita hanya dapat membayangkan peristiwa-peristiwa pertemuan pada zaman kuno, tetapi dari segi lain kita mengetahui hubungan yang sangat penting antara wilayah Fu-nan dan Jawa Tengah. Raja-raja dinasti Sailendra menyatakan diri ialah pewaris raja-raja Fu-nan dan menganggap diri mempunyai hak kuasa ke atas wilayah tersebut. Dapat diperkirakan bahawa mereka mengalahkan salah seorang raja terakhir di Chen-la dan dengan demikian wajarlah kalau raja Khmer Jayavarman II, sewaktu mendirikan Angkor pada tahun 802, berasa perlu menyatakan bahawa “negeri orang Kambuja tidak lagi tertakluk kepada Jawa”¹⁰. Pada masa yang sama, semestinya terdapat pula hubungan dengan pelabuhan-pelabuhan di pesisir Champa. Sebetulnya, data-data prasasti tentang hal tersebut kurang.

Répertoire onomastique, karya L. C. Damais, hanya mencatatkan istilah ‘Campa’ lima kali dalam prasasti-prasasti yang bertarikh 762 hingga 831 saka, iaitu 840 sampai 909 M. Yang tertua, iaitu prasasti Kutī, berasal dari Jawa Timur dan menyebut orang *cĕmpa* di samping orang *kling*, *haryya*, *sinhā* (dari Sailan), *gola* (dari Benggala), *cwalikā* (dari Tamil Nadu), *malyalā*, *karṇnake*, *rĕman* (dari wilayah Mōn) dan *kmir*; dari sebuah senarai nama suku bangsa yang menjadi *wargge dalĕm*, iaitu “pembantu”. Hal tersebut menunjukkan percampuran sebelum masuknya agama Islam telah menambahkan perpaduan bangsa melalui penggunaan perhambaan. Prasasti yang paling muda, iaitu prasasti Kaladī (juga dari Jawa Timur), langsung menyinggung kaum pedagang (*banyaga*) yang berasal dari Champa, dari daerah Mōn, Sailan dan India. Anehnya mereka disamakan dengan kaum *kilala* atau *kilalān*, iaitu pemungut pajak¹¹.

Sebuah lapangan penyelidikan yang lain ialah arkeologi perbandingan. Selepas serangan-serangan Jawa ke Semenanjung Indocina tepat pada pertengahan abad ke-8, dapatlah kita menemukan sejumlah persamaan dari segi teknik, ikonografi, seni arca, dan gaya bangunan, yang mengungkapkan hubungan serta pengaruh yang tidak dapat dinafikan antara ketiga-tiga alam kebudayaan yang besar, iaitu Khmer, Cham dan Jawa. Diketahui misalnya bahawa dekat Angkor, di atas Gunung Kulen, Prasat Damrei Krap jelas tampak bergaya Cham dan raja-raja Khmer Jayavarman II dan Indravarman (pada abad ke-9) telah berusaha mengembangkan pemujaan anumerta seorang raja “mungkin sekali sebagai tiruan apa yang berlaku di Jawa”¹². Dari pelbagai segi, gaya Preah Ko meniru gaya seni Jawa. Di Champa, satu sudut lain dari segi tiga tadi, pengaruh Jawa juga jelas dalam bangunan-bangunan [di] ibu kota baru Indrapura, yang didirikan oleh Raja Indravarman II (875-sebelum 898), seorang penganut agama

Buddha yang taat dan telah mendirikan kompleks Dong-duong. Tetapi, sambil mengungkapkan hubungan Champa dengan kawasan di selatan, B. Ph. Groslier juga menunjukkan dengan jelas bahawa Champa berarah pula ke China, di mana seni arca agama Buddha tengah mengalami perkembangan yang pesat sejak masa Enam Dinasti. Mulai masa itu, kita nampak bahawa semua bangunan Cham yang besar telah diperbuat daripada batu bata. Seperti yang telah diketahui, batu bata merupakan sebuah bahan yang kelak menjadi bahan bangunan utama di Jawa dan Sumatera.

Tanda-tanda perhubungan yang samar itu, dengan susah kita simpulkan untuk zaman silam itu telah menjadi sedikit lebih ketara dengan proses pengIslamman beransur-ansur jaringan-jaringan maritim. Apakah kebetulan semata-mata kalau peninggalan epigrafi Islam yang paling tua di Asia Tenggara ditemui di Champa dan di Jawa Timur? Kedua-dua inskripsi bergaya Kufi yang telah ditemui di “suatu tempat yang tidak dikenali di daerah selatan Vietnam kini” (sekarang sudah hilang), termasuk yang bertarikh 431 H (1039 M) itu sezaman dengan inskripsi Leran (7 Rajab 475 H = 2 Disember 1082) yang tetap dapat dilihat di tempat penemuannya, sejauh beberapa kilometer dari Surabaya¹³. Dengan demikian, jelaslah antara komuniti-komuniti Muslim di pantai China Selatan serta di India dan Timur Tengah terdapat sebuah “paksi” Champa-Jawa Timur, yang barangkali telah memainkan peranan sewaktu ekspedisi Dinasti Yuan yang terkenal dan terutamanya mencapai puncaknya pada abad ke-14 dan ke-15.

Di sinilah tentu sahaja elok disebut legenda Puteri Cempa, seorang puteri Cham yang dipercayai telah menjadi isteri seorang raja Majapahit. Cerita tersebut dikisahkan dalam beberapa teks kesusasteraan Jawa seperti *Serat Kanda*, tetapi *sengkalan* (kronogram) yang memuatkan tahun kematiannya (1320 saka = 1398/9 M) tidak sesuai dengan angka tahun yang ada pada makam yang dipercayai sebagai kuburnya di tapak bandar kuno Majapahit, iaitu jelas 1370 saka (1448/9 M)¹⁴. Yang menarik di sini ialah makam itu makam Islam dan Puteri Cempa dari awal sentiasa dikaitkan dengan tema pengIslamman Pulau Jawa. Menurut sebuah versi cerita tersebut¹⁵, puteri itu telah meninggalkan di negeri asalnya seorang saudara perempuan yang telah berkahwin dengan seorang Arab. Kedua-dua anak saudara itu, bernama Raden Pandita dan Raden Rahmat, telah memutuskan untuk melawat mak cik mereka yang tinggal di Majapahit, dan dengan demikian mereka menjadi imam di masjid Tandés (Gresik) dan Surabaya.

Mengikut sejumlah data dalam sumber tertulis atau arkeologi dapat diperkirakan bahawa “legenda” itu tidak terlampau jauh berbeza daripada kenyataan. *Nāgarakērtāgama* (1365) tentu sahaja telah dua kali menyebut negeri Champa bersama dengan Kāamboja dan Yawana, yakni Vietnam¹⁶, dan Krom telah mengungkapkan pengaruh gaya Cham pada sebuah candi yang kecil, iaitu Candi Pari di Jawa Timur (1293 saka = 1371 M)¹⁷. Tetapi, yang lebih penting barangkali ialah sejumlah makam Islam yang ditemui di perkuburan Tralaya dan Trawulan, berdekatan dengan Majapahit. Beberapa antaranya berasal dari akhir abad ke-14 (yang tertua bertahun 1290 saka = 1368/9 M)¹⁸. Tidak mustahil sebuah

penyelidikan yang lebih terperinci mengenai gaya sejumlah batu nisan tersebut dapat mengungkapkan pengaruh kesenian Champa. Kembali ke Raden Rahmat, tidak mungkin dia hanya seorang tokoh mitos. Dia adalah pengasas komunitas Muslim di Kampung Ampel, yang tetap dianggap sebagai salah satu komunitas yang paling soleh di bandar Surabaya, dan makamnya sendiri, yang sayang tidak bertulisan, masih menjadi tempat penziarahan yang dilawati ramai. Katanya, dia memperisterikan seorang anak daripada Adipati Tuban dan kemudian kedua-dua anaknya, Sunan Drajat dan Sunan Bonang, melanjutkan pengislaman di Pesisir timur.

Penyerangan negeri Champa oleh orang Vietnam pada tahun 1471 mengakibatkan penghijrahan paksa, yang tidak boleh tidak dibandingkan dengan peristiwa yang baru-baru ini terjadi. Penaklukan, serta penghijrahan yang menyusul, dikenang di Nusantara dalam sekurang-kurangnya dua buah teks: *Hikayat Hasanuddin* yang menceritakan masa awal agama Islam di Jawa (terutamanya di Jawa Barat)¹⁹ dan *Sejarah Melayu* yang amat terkenal, di mana bab ke-21²⁰ mengisahkan serangan oleh “raja Koci”, gugurnya raja Cham bernama Pau Kubah, dan larinya dua orang anaknya, yang satu Pau Liang berlindung di Aceh, dan yang kedua, Indra Berma, berhijrah ke Melaka di istana Sultan Mansur (1458-1477).

Baru-baru ini sebuah artikel yang berasaskan dokumentasi lengkap, berusaha membuktikan “pengislaman” pembesar-pembesar negeri Champa tidak berlaku sebelum abad ke-17²¹. Namun demikian, tidak boleh dinafikan bahawa orang Islam sudah besar jumlahnya di Champa sejak abad ke-15. Hal yang sangat menarik ialah penghijrah-penghijrah tadi langsung mencari perlindungan di daerah yang mereka ketahui sebagai daerah beragama Islam kuat, iaitu pelabuhan-pelabuhan di Jawa Timur, tempat tinggal Raden Rahmat sebelumnya, serta pelabuhan-pelabuhan di bahagian utara Sumatera, yang diIslamkan sejak akhir abad ke-13, dan tentu sahaja Melaka yang telah menjadi kesultanan beberapa puluh tahun sebelumnya.

Sejak saat itu, “bangsa” Cham seolah-olah bercabang dua. Kebanyakan penduduk, yang tetap di negerinya sendiri, dan meskipun adanya pengasingan-pengasingan serta tindakan asimilasi, berusaha mempertahankan identitinya, kalau bukan kemerdekaannya. Di pihak lain terdapat para penghijrah, yang boleh kita sebut sebagai orang Cham seberang, yang tersebar ke pelbagai tempat di Asia Tenggara, dan akan terus-menerus memainkan peranan penting dalam konteks agama Islam. Dengan perbezaan yang jelas, nasib mereka mengingatkan nasib perantau Bugis yang setelah Makassar direbut Belanda, dan setelah Perjanjian Bungaya (1667), lebih suka meninggalkan Sulawesi dan mengadu nasib di Jawa Timur, Banten, pesisir Sumatera sampai ke Aceh, di Kepulauan Riau dan Semenanjung Tanah Melayu.

Telah berjaya ditemui, misalnya, adanya pada abad ke-16 nakhoda (disebut juga juragan) kapal Cham di Banten, di Melaka (disebut dua kali dalam *Sejarah Melayu*), di Makassar dan sampai ke Patani, di mana Fernão Mendes Pinto

pernah berjumpa dengan mereka²². Pada abad ke-17, kita menemui pengembara Cham bersama Sultan Ibrahim yang termashyur, iaitu raja Muslim di Kamboja (1642), seperti juga di Ayuthya (Siam) pada tahun 1686, semasa pakatan jahat yang dirancang orang Melayu dan Makassar menentang Raja Narai. Mulai zaman itu, “Champa” bukan sahaja nama sebuah kerajaan yang perbatasannya rapuh dan setapak demi setapak mengecil kawasannya di sepanjang pesisir Indocina, melainkan juga nama sebuah jaringan luas yang merentasi tempat-tempat persimpangan yang terpenting di Asia Tenggara, serta juga nama sebuah cakerawala Islam, yang tentu sahaja sangat berbeza dengan struktur yang dipengaruhi agama dari India sebelumnya, dan yang selama ini kurang dikenalpasti oleh para pakar sejarah.

Seharusnya dilakukan sebuah penyelidikan menyeluruh dari perantauan Cham itu, seperti yang telah dikerjakan untuk orang Cina yang disebut “orang Cina dari Seberang” atau untuk orang Arab yang berasal dari Hadramaut. Daripada segi itu, menariklah tradisi tentang orang Cham di luar Champa, bukan sahaja di Jawa dan Kamboja, di mana mereka adalah minoriti yang masih aktif kebelakangan ini, tetapi juga di Aceh dan di Kelantan. H.K.J. Cowan telah memperhatikan hubungan antara Champa dan Aceh²³ khususnya, dan mengungkapkan bahawa kadang-kadang kata ‘Champa’ pernah dikelirukan dengan ‘Jempa’, iaitu nama sebuah sungai yang memisahkan Pesangan dan Samalanga. Harus juga digaris bawahi peranan pelabuhan pesisir timur Semenanjung Tanah Melayu dalam hal hubungan antara Jawa dan kelompok-kelompok masyarakat Cham di Indocina. Dalam hal itu, penyelidikan sejarah Kelantan sangat menarik²⁴. Kesan pengaruh Jawa di sana cukup banyak (wayang kulit, kata-kata Jawa dalam bahasa sehari-hari), tetapi hubungan dengan orang Cham pernah erat pula. Terdapat misalnya, tidak jauh dari Kota Bharu, sebuah tempat bernama *Lapangan Cempa* (tempat lapangan terbang kini), tetapi yang paling penting ialah ramai pemuda Cham di Kamboja yang telah belajar di pondok di Kelantan. Tambahan pula, baru-baru ini banyak orang Cham berhijrah ke Eropah setelah singgah di Kelantan di tempat mantan guru mereka. Sebenarnya, sejumlah keluarga penghijrah telah menetap di sebuah perkampungan di Kota Bharu.

Setelah sejarah jaringan itu – dan bukan sejarah “kerajaan” Champa sahaja – diketahui dengan lebih baik, maka beberapa persamaan yang diungkapkan kebelakangan ini antara kesusasteraan Cham dan kesusasteraan Melayu akan lebih senang untuk difahami. Sejak penyelidikan yang telah dijalankan oleh G. Moussay dan H. Chambert-Loir²⁵, kita mengetahui bahawa sejumlah hikayat terdapat di kedua-dua pihak: *Hikayat Dewa Mandu* dan *Hikayat Indraputra* misalnya dipadankan dalam kesusasteraan Cham oleh *Akayet Deva Mano* dan *Akayet Inra Patra*, manakala *Hikayat Dewa Mandu* telah mengilhami sejumlah jenis teater rakyat di Kepulauan Riau dan Kalimantan Barat²⁶. Demikianlah terungkap sebuah “kitaran” yang berpijak sekaligus di semenanjung Indocina dan di Nusantara, sebagaimana halnya kitaran Panji yang terdapat di Jawa, di Kemboja dan di Siam²⁷.

Contoh jaringan Cham itu sekali lagi membuktikan sudah sampai waktunya kita menghilangkan sempadan dalam penulisan sejarah Asia Tenggara, sehingga masalahnya dapat diungkapkan pada tingkat seluruh kawasan itu.

NOTA

- * Kertas kerja ini pertama kali diterbitkan dalam *École française d'Extrême-Orient* (ed.), *Kerajaan Campa*, Jakarta, Balai Pustaka, 1981: 285-295, dengan tajuk "Campa dipandang dari Selatan". Ia juga telah diterbitkan dalam Abdul Rahman Al-Ahmadi (ed.), *Alam Melayu: Sejarah dan Kebudayaan Campa*, Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia/EFEO, 1988: 61-71. Sebuah versi dalam bahasa Perancis telah dimuatkan dalam *Bulletin de l'École française d'Extrême-Orient*, 76, 1987: 311-317, dengan tajuk "Le Campa vu du sud". Terjemahan dalam bahasa Melayu ini dihasilkan oleh Daniel Perret (EFEO Kuala Lumpur, 2011), berasaskan tulisan dalam bahasa Indonesia dan dalam bahasa Perancis.
- ¹ Lihat H.R. Van Heekeren, "The Bronze-Iron Age of Indonesia", *Verhandelingen van de Koninklijk Instituut* 22, 's-Gravenhage, Nijhoff, 1958, khas peta gambar 1; dan terutamanya jilid 1 *Sejarah Nasional Indonesia* (Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1975) disunting oleh Dr. R.P. Soejono. Tentang gendang gangsa dari Yunnan, lihat penyelidikan oleh M. Pirazzoli-t'Serstevens, *La civilisation du royaume de Dian à l'époque Han*, Publications de l'École française d'Extrême-Orient XCIV, Paris, 1974.
- ² Mengenai sejarah pelayaran kuno itu, lihat khasnya artikel baru oleh P.Y. Manguin, "The Southeast Asian Ship: An Historical Approach", *Journal of Southeast Asian Studies*, 11 (2), Singapore, Sep. 1980.
- ³ Tentang prasasti tersebut, lihat G. Cœdès, *Les Etats hindouisés d'Indochine et d'Indonésie*, Paris, De Boccard, 1964: 96; dan G. Cœdès, "La plus ancienne inscription en langue chame", dalam *Mél. F.W. Thomas*, New Ind. Antiq., extra ser. I, 1939: 46-49.
- ⁴ Tentang orang Jorai, lihat antara lain P. B. Lafont, *Lexique Francais-Jarai-Viétnamien (parler de la Province de Plei Ku)*, Publications de l'École française d'Extrême-Orient LXIII, Paris, 1968; dan J. Dournes, *Coordonnées, Structures Jorai familiales et sociales*, Institut d'Ethnologie, Paris, 1972.
- ⁵ Sejarah bahasa Cham bukan sahaja menunjukkan kemerosotan sebuah kebudayaan dengan beransur-ansur, melainkan bagaimana sebuah bahasa dapat berkembang sehingga kehilangan beberapa "struktur" utamanya. Sangat nyata dalam hal tersebut perbandingan kedua-dua kamus Cham-Perancis yang kita miliki: yang pertama diterbitkan pada tahun 1906 oleh E. Aymonier dan A. Cabaton dan menggarisbawahi hubungan bahasa Cham dengan bahasa Austronesia yang lain, terutamanya bahasa Melayu, serta mencatat adanya empat awalan dan tiga sisipan yang masih hidup, manakala kamus G. Moussay (*Dictionnaire Cam-Vietnamien-Français*, Phanrang, 1971) tidak menyebut lagi imbuhan, tetapi mencatat adanya empat nada pembeza...
- ⁶ Tentang cerita rakyat di Champa kuno, lihat kajian R. Stein (*Le Lin-Yi, sa localisation, sa contribution à la formation du Champa et ses liens avec la Chine, Han-Hiue*, jil. II; buku 1-3, Beijing, 1947, terutamanya lampiran VII: "Le Folklore ethnographique du Lin-yi": 241-312).

- ⁷ Teks tersebut, yang telah diterbitkan oleh Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia, sayangnya tidak dilengkapi huraian apapun: *Asal Mula Sumber Garam Kuwu, Cerita Rakyat dari Daerah Purwodadi Grobogan, Jawa Tengah*, disusun oleh Tim penyusun naskah cerita rakyat daerah Jawa Tengah, diterbitkan oleh Proyek pengembangan Media Kebudayaan, Ditjen Kebudayaan Departemen Pendidikan dan Kebudayaan RI, tanpa tempat dan tahun, 69 hlm.
- ⁸ Tentu saja dapat diperkirakan bahawa di daerah itu legenda Aji Saka digabungkan pada waktu pengIslamman dengan legenda puteri Champa yang terdapat lebih kemudian di Pesisir utara Jawa. Walau bagaimana pun, kami cenderung menganggap tradisi tersebut sudah kuno. R. Soekmono (“A Geographical Reconstruction of Northeastern Central Java and the Location of Medang”, *Indonesia*, 4, Cornell Univ., Oktober 1967: 1-7) telah menggaris bawahi pentingnya serta tuanya lokasi Medang Kamulan serta daerah Purwodadi, yang mata air asinnya telah disebut dalam *Tang-shu*. Selain itu, satu adegan legenda tersebut sangat menarik yang mengingatkan tema penyatuan pendatang India dengan kekuatan “alam bawah”, yang telah kerap kali ditekankan oleh pakar sejarah Kamboja (Cœdès, *Les Etats hindouisés...*, 1964: 76; E. Porée-Maspéro, “Nouvelle étude sur la Nagi Soma”, *Journal Asiatique*, 238, 1950: 237-267). Pada waktu pertama kali singgah di Jawa, Aji Saka secara beraninya meminjamkan pisaunya kepada anak perempuan seorang petani yang lupa akan amanatnya dan menaruhnya di pangkuannya. Akibatnya, dia mengandung dan melahirkan seorang putera berupa naga dan diberi nama Baruklinting. Aji Saka belayar semula ke Champa, kemudian pulang semula ke Jawa. Begitu kecewanya memperoleh anak sejelek itu, dia menyuruhnya merayap di bawah tanah sehingga sampai ke Laut selatan. Kadang-kadang Baruklinting muncul ke permukaan bumi dan tiap kalinya menimbulkan sebuah mata air asin.
- ⁹ Lihat terjemahan Perancis yang diterbitkan dalam *Mémorial Jean Sauvaget*, jilid I, Institut français de Damas, 1954: 189 dan seterusnya; Champa disebut pada muka surat 219, 228, 234, 243, 253, 298 dan 309. Lihat pula *Relation de la Chine et de l’Inde*, Paris, Belles Lettres, 1948: 9 yang juga diterjemahkan oleh J. Sauvaget dari bahasa Arab.
- ¹⁰ Tentang hal tersebut dan umumnya tentang hubungan antara semenanjung Indocina dan Pulau Jawa masa itu, lihatlah B.Ph. Groslier, *Indochine: Carrefour des arts*, Paris, Albin Michel, 1961: 89-99.
- ¹¹ Lihat L.-C. Damais, *Répertoire onomastique de l’épigraphie javanaise*, Publications de l’Ecole française d’Extrême-Orient LXVI, Paris, 1970: 192-193; prasasti Kutji, yang diperkirakan sebuah salinan agak baru, telah diterbitkan oleh Cohen-Stuart, manakala prasasti Kalaḍi belum diterbitkan.
- ¹² B.-Ph. Groslier, *op.cit.*: 93.
- ¹³ Inskripsi-inskripsi tersebut telah diterbitkan P. Ravaisse dalam “Deux inscriptions coufiques du Campa”, *Journal Asiatique*, siri ke-2, XXII, Oct-Dis. 1922: 147-289, serta dalam “L’inscription coufique de Lérán à Java”, *Tijdschrift voor indische Taal, Land- en Volkenkunde*, LXV, 1925: 668-703. Tentang pentingnya kaum pedagang Islam di China sejak zaman dinasti Song, lihat karangan terkenal oleh Kuwabara Jitsuzō, “On P’u Shou-keng, a man of the Western Regions who was the superintendant of the Trading Ships’ Office in Ch’uan-chou towards the end of The Sung Dynasty”, *Memoirs of the Research Department of the Tōyō Bunko*, II: 1-79; VII: 1-104, Tokyo, 1928-1935.

- ¹⁴ Lihat L.-C. Damais, “L’*épigraphie musulmane dans le Sud-est asiatique*”, *Bulletin de l’Ecole française d’Extrême-Orient*, LIV, Paris, 1968: 567-604, terutama hlm. 573.
- ¹⁵ Lihat H.J. De Graff & Th.G. Th. Pigeaud, *De eerste Moslimse Vorstendommen op Java*, Verhandelingen van de Koninklijk Instituut 69, Den Haag, Nijhoff, 1974: 21-24.
- ¹⁶ Lihat ed. Pigeaud, jil. V: 151: *ri Campā Kāamboja*: 15-1-4; *Jambudwīpa Kāamboja Cina Yawana lèn Campa Karmātakādi*: 83-4-2.
- ¹⁷ N.J. Krom, *Inleiding tot de Hindoe-Javaansche Kunst*, ed. kedua, Den Haag, 1923, jilid II: 185.
- ¹⁸ Tentang tapak-tapak sejarah penting tersebut, lihat karangan L.-C. Damais, “Les tombes musulmanes datées de Tralaya”, *Bulletin de l’Ecole française d’Extrême-Orient*, XLVIII(2), Paris, 1957: 353-415.
- ¹⁹ *Hikayat Hasanuddin* terdapat dalam versi bahasa Jawa dan versi bahasa Melayu, yang kedua-duanya telah disunting Jan Edel, *Hikajat Hasanoeddin*, thesis Universiti Utrecht, Meppel, Ten Brink, 1938; lihat terutamanya hlm. 64-98.
- ²⁰ Lihat khususnya edisi T.D. Situmorang & A. Teeuw, *Sedjarah Melaju menurut terbitan Abdullah*, Jakarta/Amsterdam, Djambatan, 1952: 174-177.
- ²¹ P.-Y. Manguin, “L’Introduction de l’Islam au Campā”, *Bulletin de l’Ecole française d’Extrême-Orient*, LXVI, 1979: 255-287.
- ²² P.-Y. Manguin, *op.cit.*: 276-277.
- ²³ Lihat terutama H.K.J. Cowan, “Het Atjehsh metrum ‘sandja’ in verband met een tjamsch gedicht”, *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde van de Koninklijk Instituut*, 1933: 149-155.
- ²⁴ Kami mengucapkan terima kasih kepada Abdul Rahman Al-Ahmadi, yang telah menarik perhatian kami pada pentingnya bandar-bandar pelabuhan di pesisir timur Malaysia untuk lintasan Champa-Jawa Timur.
- ²⁵ Lihat hasil penelitian G. Moussay tentang *Dēvāmanō* (Thesis EPHE seksi IV, Paris, belum terbit, yang kesimpulannya telah dimuatkan dalam *Annuaire 1975-1976*) serta *Hikayat Dewa Mandu, Epopée malaise I, Texte et présentation*, oleh H. Chambert-Loir (Publications de l’École française d’Extrême-Orient CXXI, Paris, 1980). Sebagai pengenalan kesusasteraan Cham yang masih belum dikenal, lihat P.-B. Lafont, Po Dharma & Nara Vija, *Catalogue des Manuscrits cam des Bibliothèques françaises*, Publications de l’École française d’Extrême-Orient CXIV, Paris, 1977.
- ²⁶ Sebuah rombongan teater “Mandu” dari Pontianak telah memberi persembahan di Taman Ismail Marzuki, Jakarta, pada bulan Disember 1980, bersempena Festival Nasional Seni Pertunjukan Rakyat II. H. Chambert-Loir telah memulakan sebuah penyelidikan tentang asal-usul jenis teater tersebut di Nusantara.
- ²⁷ Suatu jalur penyelidikan yang lain umpamanya ialah, seperti juga untuk masa yang silam, perbandingan corak-corak kesenian, oleh kerana Champa boleh sahaja sekali lagi menjadi perantara antara China dan Jawa. Kami terutama memikirkan kesenian yang disebut “kesenian Islam Pesisir utara Jawa”, yakni misalnya makam Sunan Giri atau panel berukir di Sendang Duwur atau di Mantingan.

